

# Hubungan Malaysia-India baik

um - 9/10/2019  
mk: 8

Oleh FARHANA JONI  
dan FADZIL ZAINOL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OKT.

**P**ERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak menerima sebarang maklum balas daripada kerajaan India berhubung kenyataannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-74, di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.


Jelas Dr. Mahathir, beliau telah berhubung dengan Perdana Menteri India, Narendra Modi jika mendapati kenyataannya tidak menyenangkan.

“Saya tak dapat apa-apa, saya dah bercakap dengan Modi, kalau ada perasaan tak senang dia boleh berhubung dengan saya. Setakat ini tiada apa-apa,” katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia sentiasa mengamalkan dasar rundingan, bilateral dan sistem perundingan, bukan kekerasan.

Kata beliau, pendirian itu telah dibangkitkan terhadap isu Jammu dan Kashmir dengan tujuan mahu kedua-dua negara tersebut menyelesaikan segala konflik.

“Kalau kita membuat teguran dan teguran kita tak memihak kepada sesiapa, cuma menuntut kedua-dua pihak berunding



**MAHATHIR MOHAMAD**

dan jangan menggunakan kekerasan.

“Itu memang dasar kita, tidak guna kekerasan sebaliknya runding, bilateral atau sistem perundingan. Ini yang saya bangkitkan kepada Modi semasa jumpa dengannya.

“Ucapan saya ini susulan daripada pendirian kita bahawa kita tak ingin lihat keganasan berlaku,” katanya.

Pada 24 hingga 28 September lalu, Dr. Mahathir menghadiri UNGA di New York, AS telah menyeru India untuk bekerjasama dengan Pakistan bagi menyelesaikan isu tersebut dengan memberi peringatan bahawa ketidapatuhan resolusi PBB akan menyebab-

kan pengabaian bentuk lain kepada badan dunia itu.

Sebelum itu, semasa sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat, **Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai)** bertanyakan pendirian Malaysia terhadap kempen #BoycottMalaysia yang dilancarkan oleh rakyat India dalam laman media sosial sebagai respon kepada ucapan Perdana Menteri di UNGA.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah sebaliknya berkata, analisis telah dibuat dan yakin boikot (sambutan) itu semakin menurun dan yakin tidak menjejaskan kedudukan Malaysia di persada antara-bangsa serta hubungan dengan India.